

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 PENDAHULUAN

Bahagian ini memberi gambaran secara menyeluruh tentang perincian yang bakal dijalankan dalam kajian. Antara yang dibincangkan pada bahagian ini ialah berkenaan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, kerangka teoritikal kajian, kerangka konseptual kajian, skop kajian serta definisi operasional kajian.

#### 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dari sudut pandang Islam, aktiviti sukarelawan boleh didefinisikan sebagai amalan kebaikan dalam perspektif hubungan dengan manusia atau حَبْلٍ مِّنَ النَّاسِ seperti mana firman Allah SWT dalam surah al-Imran ayat 112. Dalil ini merujuk kepada perbuatan baik sesama manusia yang bukan ibadah khusus seperti solat, puasa dan sebagainya. Namun perbuatan tersebut akan dikira sebagai ibadah sekiranya seseorang individu itu berniat kerana Allah SWT. Pengkaji mendapati sukarelawan mempunyai sikap empati seperti mengutamakan keperluan orang lain lebih daripada diri sendiri, seperti mana firman Allah SWT dalam surah al-Hasyr ayat 9:

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِن قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَن هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ  
أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَن يُوقِ شَحْنًا نَفْسِيهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ٩

Maksudnya : *Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.*

Justeru, Islam merupakan agama yang bersifat menyeluruh atau universal iaitu sesuai untuk semua golongan tanpa mengambil kira pangkat, rupa, harta, tahap intelek malah dari keturunan mana sekalipun dan juga bersesuaian dengan setiap zaman. Penyebaran dakwah Islam di Malaysia meliputi seluruh aspek kehidupan kepada seluruh komuniti melalui saluran-saluran yang pelbagai bagi menyampaikan maklumat yang berkesan kepada seluruh masyarakat. Dalam masa yang sama, khidmat sukarelawan merupakan suatu usaha berterusan dalam menyumbang ke arah pembangunan dan kesejahteraan sesebuah negara. Kajian ini selaras dengan Pelan Tindakan OKU (2016-2022) yang menggariskan Teras Strategik 9 (Advokasi.) Di antara objektifnya adalah menggalakkan penglibatan sukarelawan dalam pembangunan OKU. Bagi menyempurnakan pelan tindakan tersebut, usaha awal telah dibincangkan dalam Persidangan Meja Bulat (RTD) berkaitan Pemerkasaan dan Pelan Tindakan OKU Rabbani 2020-2025.

Kerajaan telah menggariskan strategi penting (teras strategik 9) bagi memberikan peluang komuniti OKU terlibat dan menyumbang dalam pembangunan agama dan negara iaitu menjalankan latihan pembangunan pendakwah yang terlatih sama ada dari kalangan komuniti tipikal atau OKU bagi membantu program pembangunan OKU. Walaupun kajian awal mendapati terdapat beberapa model bagi ciri sukarelawan, namun perbincangan berkaitan ciri sukarelawan dakwah OKU dalam konteks integrasi Ilmu Naqli (bersumberkan nas dari al-Quran dan Sunnah) dan Aqli (bersumberkan penelitian terhadap alam ciptaan) masih belum lagi dibina. Oleh itu, penerokaan terhadap Kitab Hadis 40 Imam Nawawi dijadikan sebagai kerangka fundamental ke arah menghuraikan ciri ini.

### **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Usaha dakwah melalui badan-badan kesukarelawanan merupakan medium yang sering digunakan bagi tujuan penyebaran ilmu khususnya ilmu agama Islam. Ini bermakna Islam bersifat *non exclusive* iaitu bukan khusus untuk satu-satu golongan sahaja (Nurulain Norsham et al., 2023; Zain Abidin, 2013). Namun demikian, realitinya di Malaysia pada hari ini, kebanyakan program dakwah yang dilaksanakan banyak tertumpu kepada golongan tipikal sahaja (Noornajihan et al., 2022; Mohamad Adib et al., 2017; Juwairiah Hassan, 2009). Kesannya, komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) menjadi antara yang tersisih daripada usaha tersebut. Walhal di Malaysia terdapat juga golongan OKU yang terdiri daripada pelbagai kecacatan antaranya OKU Fizikal, OKU Pendengaran, OKU Penglihatan dan OKU Masalah Pembelajaran.

Statistik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Malaysia pada Jun tahun 2023 menunjukkan terdapat seramai 657,904 OKU berdaftar dengan pihak JKM. Masalah individu OKU dengan kefahaman dalam amalan beragama kerana kekurangan pusat pendidikan kefahaman Islam untuk OKU (Mohamad Adib et al., 2017). Oleh yang demikian, komuniti tersebut tidak mendapat pendedahan tentang panduan hidup sebagai seorang Muslim yang sempurna. Hal ini disokong oleh Mohamad Adib et al. (2017) dan Siti Farhana et al. (2016) bahawa komuniti OKU adalah termasuk dalam kategori mukallaf, iaitu yang dipertanggungjawabkan dengan hukum-hakam agama. Oleh itu, komuniti ini seharusnya mempunyai kesamarataan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti golongan tipikal.

Bertitik tolak daripada itu, menerusi Dasar Belia Malaysia, kesukarelawanan diberi penekanan sebagai keperluan untuk melahirkan modal insan yang berbakat dan berkeupayaan untuk memberi sumbangan di semua peringkat kehidupan (Mohd Dino Shariffuddin et al., 2021; Azrina Mazlin et al., 2016; Norshafawati, 2014). Ini termasuk sumbangan menyampaikan dakwah kepada komuniti OKU yang seharusnya diberi perhatian. Namun, kesukarelawanan di Malaysia masih belum diangkat menjadi perkara asas dan penting yang ditangani secara bersungguh-sungguh, sistematik dan konsisten (Nurul Ashidah, 2015; Azizan Bahari, 2011). Sebagai contoh, jumlah Sukarelawan Dakwah OKU yang berdaftar dilatih di bawah Sekretariat Sahabat FAQEH Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ialah seramai 140 orang sukarelawan dalam kalangan mahasiswa daripada pelbagai jenis bidang pengajian. Manakala statistik bilangan OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan angka yang tinggi jika dibandingkan dengan jumlah sukarelawan dakwah OKU yang sedia ada. Ironinya pendakwah jarang melibatkan diri dengan aktiviti dakwah kepada golongan OKU kerana kesukaran OKU menerima mesej dakwah, hanya segelintir yang ingin melibatkan diri untuk berdakwah kepada OKU (Mohamad Adib et al., 2017). Kekangan bilangan sukarelawan menyebabkan komuniti OKU ini dilabel, didiskriminasi dan terus disisihkan (Mohamad Adib et al., 2017).

Seterusnya, kurangnya pendedahan tentang kepentingan dakwah OKU dalam kalangan sukarelawan telah memberi kesan kepada pengetahuan agama dalam kehidupan komuniti OKU. Sebagai contoh, sukarelawan OKU Pendengaran yang kurang pendedahan tentang keperluan dakwah OKU menyebabkan komuniti ini ketinggalan jauh



untuk mempelajari agama (Siti Rahmah et al., 2019; Adnan et al., 2017; Mohd Huzairi Awang et al., 2010). Mereka sering ketinggalan dalam mempelajari agama kerana batasan komunikasi bersama asatizah atau pendakwah. Oleh yang demikian, kebanyakan komuniti pekak tidak berkemahiran dalam ilmu agama malah mereka tidak berminat untuk mendekati agama Islam (Siti Rahmah et al., 2019; Hamdi Ishak, 2010). Hal ini turut diakui oleh Adnan et al. (2017) dan Siti Muhibah (2010) dengan menyatakan kebanyakan para asatizah dan pendakwah di Malaysia tidak berkemahiran menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi dengan golongan pekak. Manakala hasil perbincangan meja bulat Fiqh Ibadat OKU yang telah diadakan bertarikh 27 April 2022 yang bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi Selangor mendapati komuniti OKU Fizikal masih belum mendapat akses secukupnya dalam mempelajari agama terutamanya di masjid dan surau. Hal ini berkaitan dengan kurangnya penglibatan sukarelawan dalam membantu OKU Fizikal untuk mendapatkan akses mempelajari ajaran Islam. Hal ini menyebabkan komuniti ini terus terpinggir daripada mendapat ruang dan peluang untuk mendalami agama Islam disebabkan halangan persekitaran yang mereka hadapi. Justeru, penyelidik mendapati terdapat banyak kajian-kajian lepas yang menyokong isu dan permasalahan kurangnya sukarelawan yang cakna terhadap dakwah OKU.

Pada awal tahun 2000, pelbagai pertubuhan, kumpulan serta individu sukarelawan yang tidak berkait dengan dakwah OKU dinobatkan dalam kesukarelawanan namun ia tidak kekal lama (Azrina Mazlin et al., 2016 & Azizan Bahari, 2010). Hal ini juga dihadapi oleh organisasi dakwah OKU sedia ada kerana kurang berstruktur dan tidak diurus dengan baik serta kurangnya minat dan penglibatan individu sukarelawan di dalam bidang dakwah OKU. Adapun kesukarelawanan dilihat sebagai sektor yang penting pada masa kini terutamanya ketika pandemik Covid-19, namun sektor ini masih lagi mempunyai cabaran yang besar dalam isu kemerosotan penglibatan individu terutamanya golongan muda dalam aktiviti kesukarelawanan (Normah Awang Noh & Siti Nurziana, 2021). Menurut Nurfarahin et al. (2018) sukarelawan akan berhadapan dengan beberapa masalah disebabkan oleh sistem pengurusan organisasi yang masih lemah. Hal ini menyebabkan terdapat sebahagian sukarelawan yang terlibat dalam organisasi kesukarelawanan menghadapi pelbagai kurang daya ketahanan untuk terus berada di dalam bidang ini. Oleh itu, penyediaan pengurusan yang lebih baik melalui pembinaan ciri sukarelawan dakwah OKU ini dapat membantu organisasi sukarelawan dakwah OKU menjalankan khidmat mereka.

Dalam konteks dakwah terhadap OKU, sebagai individu Muslim sangat dituntut mencontohi cara Rasulullah ﷺ berinteraksi dengan orang kurang upaya atau orang yang lemah seperti Abdullah bin Ummi Maktum dan lain-lain lagi. Baginda Rasulullah ﷺ tidak memandang rendah kepada golongan ini malah baginda memuliakan lagi golongan ini. Begitu juga Rasulullah ﷺ menyuruh supaya melayan golongan yang lemah dan tidak berupaya dengan layanan yang baik serta baginda melarang keras bagi sesiapa yang melakukan sebaliknya kepada golongan ini (Izzatul Najiha et al., 2020). Walau bagaimanapun, dalam aspek menyantuni golongan OKU, masih belum banyak kajian atau penulisan yang memberikan fokus secara khusus tentang keprihatinan, kehalusan budi, hikmah bimbingan dan komitmen serta usaha Baginda Rasulullah ﷺ dalam menjamin kesejahteraan mereka sebagai sebahagian dari komponen asas masyarakat yang tidak terpisah (Adnan et al., 2017). Justeru, diharapkan kajian terhadap ciri sukarelawan berdasarkan Kitab Hadis 40 Imam Nabawi yang menjadi asas kajian ini dapat mengisi kelompangan dunia kesukarelawanan sebagai ruang dan peluang untuk berbakti kepada negara khususnya terhadap golongan minoriti ini.

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan Design and Developmental Research (DDR) yang diasaskan oleh Richey dan Klein (2014). Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif kajian berdasarkan pernyataan masalah kajian yang terdiri daripada dua objektif utama dalam menggunakan pendekatan DDR. Berikut adalah objektif kajian ;

1. Mengenal pasti keperluan kepada pembangunan Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU.
2. Merangka ciri sukarelawan dakwah OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi berdasarkan konsensus pakar.

#### **1.5 PERSOALAN KAJIAN**

Merujuk kepada latar belakang kajian, persoalan ini akan menyelesaikan dan menjawab beberapa masalah seperti berikut :

##### **Fasa I : Analisis Keperluan**

1. Apakah cabaran yang dihadapi oleh sukarelawan dakwah OKU?

2. Apakah terdapat keperluan kepada Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi?

### **Fasa II : Reka Bentuk dan Pembangunan**

3. Apakah reka bentuk dan pembangunan Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU daripada Kitab Hadis 40 Imam Nawawi?
  - 3.1 Berdasarkan analisis Kitab Hadis 40 Imam Nawawi, apakah elemen yang perlu disertakan dalam ciri sukarelawan dakwah OKU?
  - 3.2 Berdasarkan pandangan pakar, apakah kedudukan keutamaan dimensi ciri sukarelawan dakwah OKU?
  - 3.3 Apakah kesepakatan pakar terhadap tema dan Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU daripada Kitab Hadis 40 Imam Nawawi?

### **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Penyelidik berharap melalui kajian ini dapat memberi impak positif kepada semua lapisan masyarakat Malaysia termasuklah golongan belia. Ia berperanan sebagai rujukan kepada penglibatan belia dalam aktiviti sukarelawan dakwah OKU. Azizan Bahari (2014), bahawa potensi dan kesesuaian pendekatan dan kaedah kerja komuniti digunakan atau diadaptasi oleh pihak kerajaan, gerakan belia, pertubuhan sukarela, media, institusi agama dan komuniti setempat bagi membantu masyarakat menangani permasalahan sosial yang melibatkan belia. Maka, tajuk kajian ini diketengahkan selaras dengan pernyataan Jasmin Arif Shah et al. (2015) yang menyatakan kajian lanjutan berkenaan idea penglibatan belia dan kesan sukarela kepada sukarelawan perlu diketengahkan terutamanya di Malaysia. Para akademia juga berupaya memanfaatkan Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU yang bakal dibangunkan ini sebagai panduan dalam sebarang pembangunan modul latihan yang berkaitan.

Dalam pada itu, kajian ini selari dengan peningkatan arus pembangunan negara sebagai contoh dapat membantu komuniti OKU dengan memberi ruang dan peluang untuk mereka mempelajari agama Islam. Sukarelawan dakwah OKU memainkan peranan yang penting untuk memastikan komuniti OKU mendapat hak hidup beragama. Hasil kajian ini juga diharapkan memberi laluan dan ruang kepada badan bukan kerajaan (NGO) atau lain-lain syarikat korporat menghulurkan bantuan dan sumbangan yang dapat dimanfaatkan oleh komuniti OKU dalam melaksanakan program-program dakwah OKU.



Secara tidak langsung kajian ini turut menyumbang kepada penambahbaikan dalam pendidikan Islam komuniti OKU seperti OKU penglihatan iaitu terhadap kajian berkaitan BBM Islami khususnya pembelajaran Al-Quran (Noornajihan Jaafar, 2017).

Oleh yang demikian, Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi ini berupaya membantu pihak agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) serta JKM dalam melaksanakan peranan serta tanggungjawab mereka terhadap komuniti OKU melalui sasaran khidmat masing-masing. Iaitu dengan memberikan peluang dan latihan secukupnya kepada pendakwah, bakal pendakwah dan penggerak OKU dalam menyebarkan dakwah agama Islam dengan lebih berkesan.

## 1.7 KERANGKA TEORITIKAL KAJIAN

Sesebuah penyelidikan yang dijalankan perlu berlandaskan kepada sesebuah teori yang akan mendasari kerangka konseptual kajian. Menurut Mohd Majid Konting (2000), dengan adanya pemahaman teori, penyelidik boleh membuat suatu penilaian yang objektif ke atas penyelidikannya. Penyelidik juga boleh menggunakan teori tersebut sebagai bimbingan dalam menghasilkan penilaian yang lebih teratur dan bermakna bersesuaian dengan bidang pengetahuan.

Kerangka teori kajian ini berdasarkan integrasi ilmu Naqli iaitu bersumberkan nas Al-Quran dan Sunnah dan ilmu Aqli yang bermaksud bersumberkan penelitian daripada sumber rasional, logikal dan pemikiran manusia (Mohd Jailani, M. R., 2019). Melalui beberapa teori asas iaitu yang pertama berdasarkan teori ilmu Naqli yang menjadikan surah at-Taubah ayat 111 sebagai teori asas dalam kajian ini. Nilai kesukarelawanan pada pandangan Islam sangat tinggi dan dipandang mulia oleh Allah SWT. Hal ini kerana Allah SWT telah menegaskan bahawa Dia akan membeli hamba-hamba-Nya yang beriman dan harta benda mereka yang telah mereka korbakan di jalan Allah dengan syurga seperti mana FirmanNya dalam surah at-Taubah ayat 111 :

إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنْفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنْ لَهُمُ الْجَنَّةَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعَدًّا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْفُرْقَانِ وَمَنْ أَوْفَى بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبْشِرُوا بَبَيْعِكُمْ الَّذِي بَايَعْتُمْ بِهِ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ۝

Maksudnya : *Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang Mukmin, diri dan harta mereka dengan memberikan Syurga untuk mereka.*

*Mereka berperang pada jalan Allah, lalu mereka membunuh ataupun terbunuh. (Itu telah menjadi) janji yang benar daripada Allah di dalam Taurat, Injil dan juga al-Quran. Dan siapakah yang lebih menepati janjinya (selain) daripada Allah? Maka bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu dan itulah kemenangan yang besar.*

Allah SWT memberitahu, bahawa Allah akan menggantikan pengorbanan dan harta benda hamba-hamba-Nya dengan balasan syurga. Bahkan dengan pengorbanan mereka itu akan menjadikan mereka mulia di sisi Allah. Yang demikian itu merupakan kurniaan dan kemuliaan serta kebajikan-Nya. Allah berikan ganti yang lebih baik kepada hamba-hamba-Nya yang taat kepada-Nya. Oleh kerana itu, imam Al-Hasan Al-Basri dan imam Qatadah mengatakan, “Sesungguhnya Allah telah membeli mereka. Demi Allah harga mereka menjadi sangat mahal” (Ibnu Kathir, 1994).

Seterusnya, teori asas yang kedua berdasarkan teori ilmu Naqli menjadikan surah al-Maidah ayat 2 sebagai teori asas dalam kajian ini. Firman Allah SWT :


وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Maksudnya : *Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.*

Menurut Tafsir al-Maraghi, manusia antara satu sama lain wajib memberi pertolongan dalam urusan yang membawa kepada kebaikan. Pertolongan itu sama ada antara individu atau pun masyarakat, dalam soal kehidupan dunia atau kehidupan akhirat (Syeikh al-Maraghi, 1951). Manakala menurut Sofwah al-Tafasir iaitu bertolong-tolonganlah kamu dalam perkara melakukan kebaikan dan kebajikan dan meninggalkan kemungkarannya serta (bertolong-tolonganlah dalam) perkara yang membawa ketaatan kepada Allah SWT (Syeikh al-Sobuni, 1975). Justeru, ayat al-Quran ini selari dengan kehidupan sukarelawan di antaranya ialah sentiasa memberikan pertolongan dan bantuan kepada masyarakat di sekelilingnya dengan harapan mendapat sebanyak mungkin ganjaran di sisi Allah SWT.




Dalam konteks kesukarelawanan, kedua-dua ayat ini sangat bertepatan dan boleh dijadikan pegangan serta motivasi kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang kesukarelawanan. Hal ini kerana melibatkan diri dalam dunia kesukarelawanan terutama sukarelawan dakwah OKU mempunyai cabaran dan rintangan yang tersendiri. Oleh itu, Allah SWT memberi ungkapan yang sangat indah bagi menimbulkan kehairahan dalam diri orang-orang mukmin untuk melibatkan diri dalam dunia kesukarelawanan. Walaupun tidak disebut secara khusus tentang kesukarelawanan, namun penyelidik memberi makna bahawa aktiviti sukarelawan ini sebagai salah satu jihad dan termasuk dalam perkara melakukan kebaikan dan kebajikan. Lantaran itu, Allah SWT menggambarkan jihad sebagai suatu ikatan jual beli yang sangat menguntungkan manusia, di atas pengorbanan dan pertolongan yang telah mereka berikan berupa harta benda dan jiwa raga yang akan ditukar dengan sesuatu yang sangat berharga iaitu syurga.



Rajah 1.1: Rangka Teori Surah at-Taubah & Surah al-Maidah

Selain itu, sukarelawan dari sudut Islam ialah sukarelawan muslim yang melakukan kerja-kerja kesukarelawanan dengan ikhlas kerana Allah SWT, menjaga sahsiah Islam, memelihara batas- batas syara' dan membawa misi dakwah Islam (Wan Aziz et al., 2020). Secara asasnya untuk menjadi sukarelawan muslim sejati tidak memerlukan kemahiran yang khusus namun apa yang penting ialah niat yang ikhlas kerana Allah

SWT, keazaman yang tinggi, komitmen yang kuat serta bersedia untuk belajar. Manakala menurut teori Christopher dan Susan (2011) menjelaskan bahawa terdapat tiga teori utama dalam pembangunan sukarelawan hibrid berasaskan teori sosial, karakter dan sumber. Sukarelawan hibrid membawa bermaksud gabungan tiga jenis teori lain yang dikaitkan dengan satu sama lain dalam pembangunan sukarelawan (Aizuddin M., 2018). Teori sosial bermaksud sukarelawan yang mudah diaturgerakkan sebagai barisan hadapan terhadap kecemasan dan isu sosial yang berlaku. Ia juga dipengaruhi oleh faktor lingkungan dan budaya masyarakat setempat. Manakala teori karakter ialah motivasi, nilai, dan ciri keperibadian mempengaruhi kesukarelawan. Teori sumber pula bermaksud individu yang mempunyai sumber atau potensi yang lebih berbanding individu lain yang menyebabkan dirinya berkemungkinan untuk direkrut menjadi sukarelawan.




Rajah 1.2: *Three Theoretical Categories*  
(Teori Christopher & Susan, 2011)

Manakala menurut Einolf dan Chambre (2011), dari aspek persekitaran sosial, teori ini menerangkan hubungan antara persekitaran luaran manusia dengan perubahan yang berlaku. Umpamanya, penyakit sebagai pengaruh luaran boleh mewujudkan malapetaka alam yang seterusnya mengubah bentuk aktiviti kesukarelawanan. Selain itu, terdapat juga beberapa sukarelawan terlibat secara langsung dengan misi bencana banjir. Manakala bagi Clary et al. (1998) aspek integrasi sosial juga membentuk norma luaran positif iaitu masyarakat akan menganggap seseorang suka melibatkan diri dalam kesukarelawanan disebabkan oleh sikapnya yang suka membantu. Di samping itu, Risler dan Holosko (2009) pula beranggapan aspek peranan sosial dapat dikaitkan dengan

aktiviti kesukarelawan melalui sudut profesionalisma kehidupan seseorang individu sukarelawan dengan menjadikannya sebagai kerjaya.

Seterusnya adalah teori Rochester (1999) yang menyatakan bahawa terdapat empat model sukarelawan yang dilihat sama ada sebagai model penyampaian perkhidmatan atau model sistem sokongan atau model aktivis atau model rakan sekerja. Menurut teori Rochester ini, model penyampaian perkhidmatan adalah di mana bahagian terbesar operasi aktiviti pertubuhan banyak dijalankan oleh sukarelawan. Kedua, model sistem sokongan merupakan di mana peranan sukarelawan adalah untuk menyokong dan membantu kerja kakitangan yang dibayar. Seterusnya model aktivis, di mana semua peranan dimainkan oleh para sukarelawan. Model keempat iaitu model rakan sekerja bermaksud terdapat perbezaan dalam peranan dan status antara kakitangan berbayar dan sukarelawan yang terlibat dengan aktiviti kesukarelawan. Seperti Rajah 3 di bawah :



Rajah 1.3: Empat Model Sukarelawan  
(Teori Rochester, 1999)

Berdasarkan teori-teori sukarelawan yang dapat dinyatakan dengan ringkas di atas, jelaslah terdapat kelompangan berbentuk umum dan tiada yang memfokuskan kepada dakwah OKU dalam model dan konsep sedia ada. Kajian yang bakal dijalankan ini memfokuskan kepada pembinaan Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU yang berasaskan integrasi Ilmu Naqli dan Aqli.

Umum mengetahui bahawa, khidmat OKU memerlukan ilmu dan pengalaman khusus terkait dengan aspek dalaman, luaran dan jenis kategori OKU tersebut. Justeru, penerokaan terhadap Kitab Hadis 40 Imam Nawawi yang dijadikan sebagai kerangka fundamental ke arah membangunkan konsep bagi sukarelawan Dakwah OKU bagi




menyokong agenda inklusiviti kerajaan dan kerangka *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang holistik (SDG 3 dan SDG 4) iaitu agenda memastikan kesihatan yang baik dan kesejahteraan masyarakat (SDG 3) melalui aktiviti sukarelawan serta pendidikan yang berkualiti (SDG 4) dapat dikecapi oleh semua golongan masyarakat termasuklah orang kurang upaya (OKU) adalah sangat penting untuk dibangunkan.

## 1.8 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian memberikan gambaran secara keseluruhan tentang hubungan antara teori yang digunakan dalam keseluruhan kajian. Ia juga merupakan suatu prosedur pengumpulan maklumat menerusi perancangan yang teratur terhadap pembentukan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terdapat dalam kajian (Kerlinger & Pedhazur, 1973).

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan 2 teori Ilmu Naqli yang utama iaitu berdasarkan teori-teori ayat suci al-Quran surah at-Taubah ayat 111 dan surah al-Maidah ayat 2. Berdasarkan ayat-ayat tersebut, al-Quran terlebih dahulu menceritakan tentang ayatnya yang bersifat “ar-Rahmah” yang memberi galakan kepada setiap Muslim untuk mempelajarinya. Selain itu, Al-Quran juga meraikan kelainan individu samada dari segi mental atau fizikal. Hal ini membuktikan bahawa ilmu Al-Quran perlu disampaikan kepada semua golongan dan tidak terbatas kepada golongan tertentu sahaja (Norakyairee, 2013).

Merujuk sorotan literasi, penyelidik juga mengadaptasi beberapa teori berkaitan sukarelawan. Pertama adalah sukarelawan perspektif Islam yang menggunakan Teori Sukarelawan (Wan Aziz et al., 2020). Kedua adalah Teori Rochester (1999) berdasarkan model aktivis yang melibatkan faktor-faktor yang mendorong sukarelawan dakwah OKU. Seterusnya adalah Teori Christopher dan Susan (2011) berasaskan teori sosial yang melibatkan cabaran yang dihadapi oleh sukarelawan dakwah OKU. Gabungan teori di atas diubah suai mengikut keperluan kajian dan teori tersebut digunakan oleh penyelidik bagi menjalankan kajian terhadap ciri sukarelawan dakwah OKU. Justeru, memadai bagi penyelidik menggunakan teori yang dipilih bagi mengkaji Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi. Rajah 1.4 menunjukkan kerangka koseptual kajian :



Rajah 1.4: Kerangka Koseptual Kajian

## 1.9 SKOP KAJIAN

Maksud skop kajian ialah had kajian yang bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai situasi masalah bagi memudahkan sesuatu kajian dibuat dengan skop yang lebih kecil tetapi bersifat mendalam. Skop kajian atau ruang lingkup kajian ini akan memberi tumpuan kepada beberapa perkara utama yang menjadi sandaran kepada kajian ini iaitu:-

Fokus yang diberikan terhadap aspek kajian adalah melibatkan peserta kajian yang merupakan sukarelawan yang berpengalaman dan berkemahiran dalam dunia dakwah OKU. Para peserta kajian ini juga terlibat secara langsung dalam menjalankan aktiviti sukarelawan di dalam program-program dakwah OKU di Malaysia khususnya. Kajian sukarelawan dakwah OKU ini dipilih kerana penyelidik mendapati kurang penyelidikan yang dibuat terhadap sukarelawan dakwah OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi yang terlibat secara langsung, malahan tiada kajian sebegini di buat terhadap sukarelawan sedia ada.

Fokus kajian juga memfokuskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi yang merupakan kerangka fundamental kajian ini. Imam Nawawi adalah satu nama yang harum di dalam sejarah dunia keilmuan Islam. Beliau adalah salah seorang tokoh ulama' Islam yang

terlung dalam pelbagai bidang keilmuan Islam, memiliki sifat wara' dan zuhud yang luar biasa serta mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam mazhab Shafi'i dan ilmu hadith (Abdullah Jalil, 2020). Di antara kelebihan dan keistimewaan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi ialah ia mencakupi semua hadis berkaitan kehidupan manusia, hadis-hadisnya pula menjadi asas kepada kaedah agama yang penting serta ia dipelajari oleh pelbagai lapisan masyarakat. Selain itu, ramai daripada kalangan ulama' dan cendekiawan Islam yang mensyarahkan kitab ini dan amat masyhur di kalangan ulama' dan orang awam di pelusuk dunia (Zulkifli, 2021).

Justeru, kajian ini dapat mengenalpasti keperluan kepada pembinaan Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi dan mengetahui cabaran yang dihadapi oleh sukarelawan dakwah OKU dan langkah mendepani cabaran tersebut. Seterusnya dapat merekabentuk Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi yang akan dibangunkan.

## **1.10 DEFINISI OPERASIONAL**

Tajuk bagi disertasi ini ialah: "*Pembinaan Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU Berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi*". Oleh yang demikian, penyelidik akan menghuraikan beberapa istilah penting.

### **1.10.1 PEMBINAAN**

Pembinaan membawa maksud perbuatan (kegiatan, usaha, dsb) membina (mendirikan, membangunkan): ~ jambatan; 2. pembangunan: ~ negara; 3. perihal membina (tubuh dsb): zat-zat yg membantu ~ tubuh; 4. perbuatan membina (bahasa): ~ bahasa; (Kamus Dewan Edisi Keempat). Oleh itu, kajian ini merangkumi usaha membina dasar dan kerangka ciri sukarelawan dakwah OKU yang belum diterokai dan dikaji sebelum ini.

### **1.10.2 KERANGKA**

Kerangka membawa pengertian kepada rangka (lukisan dsb), lakar(an), rancangan atau garis kasar (karangan, lukisan, dll), rangka: falsafah yg mendasari pembentukan ~ teori penyelidikan; ~ utama komputer yg berkuasa tinggi yg biasanya digunakan dlm sistem pemprosesan data pukal (dengan peng-guna yg ramai); terkerangka 1. masih dalam bentuk rangka-nya (bukan binaan rumah dsb) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005).



Oleh itu, kerangka yang akan dibentuk dalam kajian ini merupakan rangka atau garis kasar kepada ciri sukarelawan dakwah OKU yang belum diterokai dan dikaji sebelum ini.

### **1.10.3 CIRI**

Secara umum pengertian ciri membawa maksud sifat (unsur, tanda) yang khusus pada sesuatu (yang membezakannya daripada yang lain); proses perubahan yg dihadapi oleh sebarang sistem; pencirian perbuatan mencirikan sesuatu: teori ini bergantung pada kebenaran (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Justeru, ciri sukarelawan dakwah OKU yang bakal dibangunkan dalam kajian ini mengkhususkan pada ciri-ciri penggerak dakwah OKU berbeza berbanding ciri-ciri sukarelawan yang lain.

### **1.10.4 SUKARELAWAN**

Pengertian sukarelawan berasal daripada perkataan sukarela, dalam kata lain ia boleh dikatakan sebagai kesukarelawanan. Ia membawa maksud sesuatu pekerjaan sukarela ke atas individu bagi tujuan membantu pihak ketiga. Manakala (Ibrahim et al., 2015) menjelaskan bahawa kesukarelawanan merupakan segala bentuk aktiviti yang dilakukan bertujuan untuk membantu orang lain serta tidak berasaskan kepada keuntungan, ganjaran dan faedah (Tharshini et al., 2019). Kesukarelawanan secara umumnya merujuk kepada sebarang kegiatan altruistik melibatkan penyediaan perkhidmatan tanpa mengharapkan ganjaran dari kerja-kerja yang dijalankan (Zainal Bakri et al., 2019). Maka, sukarelawan yang bakal dibangunkan seharusnya gembira dapat menyumbangkan tenaga mahupun kemahiran dan menghulurkan bantuan kepada aktiviti dakwah OKU walaupun tanpa ganjaran berbentuk nyata atau tidak nyata. Oleh yang demikian, sukarelawan yang dimaksudkan dalam konteks kajian ialah golongan sukarelawan yang khusus melibatkan diri dalam melaksanakan aktiviti dakwah kepada OKU.

### **1.10.5 DAKWAH**

Dakwah merupakan ajakan dan seruan kepada jalan Allah. Tujuan dakwah dilakukan adalah untuk menyebarkan ajaran Islam di muka bumi ini. Mohamad et al. (2018) dan Noraini Mohamad et al. (2018) ada menyatakan bahawa dakwah mempunyai ruang lingkup yang cukup besar merangkumi pendakwah (da'ie), isi dakwah (maudhu'),

metodologi dakwah (manhaj al-dakwah) dan penerima dakwah (mad'u). Dakwah yang berkesan adalah dakwah yang mempunyai cara dan kaedah yang sesuai dengan sesuatu kelompok penerima dakwah. Konsep dakwah yang baik bermula dengan menyemai konsep nilai dan kefahaman (value oriented) khususnya melalui ceramah kesedaran dan sebagainya (Adnan et al., 2017). Sumber dakwah ialah al-Quran, al-Sunnah, sejarah hidup para sahabat, pendapat dan pandangan para fuqaha, serta pengalaman pendakwah itu sendiri (Ghazali et al., 2020). Justeru, tanggungjawab berdakwah bukan hanya terletak di bahu para pendakwah atau para alim ulama' semata-mata, bahkan ianya menjadi tanggungjawab setiap muslim yang mengucapkan dua kalimah syahadah. Oleh yang demikian, dakwah yang dimaksudkan dalam konteks kajian ialah usaha memberi ruang dan peluang hidup beragama kepada golongan minoriti ini yang wajib dilaksanakan.

#### **1.10.6 ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

Komuniti OKU mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat. Manakala Akta Orang Kurang Upaya 2008, "OKU termasuk mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat" (Akta Orang Kurang Upaya, 2008). Antara komuniti OKU ialah golongan berkeperluan khas Pendengaran, golongan berkeperluan khas Penglihatan serta Pembelajaran khususnya autisme, sindrom down, lembam dan pelbagai (Adnan et al., 2017). Oleh yang demikian, OKU yang dimaksudkan dalam konteks kajian ialah OKU yang beragama Islam harus disantuni dan dilayani mengikut apa yang dianjurkan oleh Rasulullah ﷺ.

#### **1.10.7 KITAB HADIS 40**

Hadis 40 merupakan kitab yang mengandungi empat puluh dua hadis pilihan yang disusun oleh Imam Nawawi. Kitab Hadis 40 merupakan sebuah kitab yang menghimpunkan hadis daripada tokoh-tokoh hadis seperti imam al-Bukhari, imam Muslim, dan imam al-Tirmizi berdasarkan paradigm imam al-Nawawi (Nazirah Hamdan, 2011). Dalam kata lain, karya imam Nawawi ini memiliki pengaruh yang luar biasa,

terbukti dengan banyaknya kajian dan penggunaan kitab tersebut di pusat-pusat pengajian Ilmu Turath bahkan dalam pengajian Islam moden. Oleh itu, penyelidik menjadikan karya Imam Nawawi iaitu Kitab Hadis 40 sebagai rujukan asas dalam membentuk Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU.

#### **1.10.8 DAKWAH OKU**

Dakwah tidak hanya merujuk kepada golongan tertentu sahaja. Bahkan maksud dakwah itu perlu difahami dalam konteks yang lebih luas. Dalam konteks dakwah kepada OKU, pendakwah perlu melihat kepada pendekatan dakwah yang lebih sesuai dilaksanakan kepada mereka (Mohamad Adib et al., 2017). Gerakan dan usaha dakwah hendaklah disasarkan kepada kedua-dua golongan iaitu yang telah memeluk Islam dan yang belum menerima Islam (Mohd Huzairi et al., 2015; Ab. Aziz, 1997). Hal ni menunjukkan bahawa dakwah hendaklah disasarkan kepada semua golongan manusia dengan tujuan menyampaikan risalah Allah dan membawa kembali manusia kepada fitrah yang mengakui ketuhanan dan keesaan Allah dengan bersungguh-sungguh penuh iltizam. Oleh yang demikian, dakwah OKU yang dimaksudkan dalam konteks kajian ialah usaha memberikan ruang dan peluang kepada komuniti OKU mengamalkan amalan-amalan individu Muslim yang sejati dan mengikut apa yang dianjurkan Rasulullah ﷺ.

#### **1.11 KESIMPULAN**

Bab ini telah membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian serta persoalan kajian, kepentingan kajian, kerangka teoritikal kajian, kerangka konseptual kajian, skop kajian dan definisi operasional kajian. Perbincangan ini memberi gambaran awal aspek penting pra kajian ini selain memudahkan kefahaman terhadap penggunaan istilah yang terdapat pada kajian ini.